



UMAT Islam dituntut untuk mengimarahkan masjid dengan solat sunat Aidilfitri yang melambangkan himpunan besar umat Islam yang bersatu padu. - Gambar hiasan

# Hikmah sambutan Aidilfitri

## AN-NUR

Bersama PROF. MADYA DR. FARIZA MD. SHAM  
Terdalam Pengiraan E-Book 2  
Pusat Strategi UPM berhadapan  
Persekitaran Institut Islam  
Halaman 138M



**S**OALAN: Boleh Dr. jelaskan mengapa Hari Raya Aidilfitri perlu disambut dan diraikan oleh umat Islam. Apakah rahsia di sebaliknya?

PADA bulan Ramadan, umat Islam mengerjakan ibadah puasa dengan menahan segala rasa dahaga, lapar dan kohendak jiwa, juga melakukan segala ibadah lain.

Kita merasa sedih dan terharu kerana terpaksa meninggalkan kemanisan Ramadan yang menguji kekuatan iman dan jiwa serta kesabaran sebagai hamba Allah SWT.

Sebagai meraikan ketantuan dan ketakwaan hamba-Nya, Allah kurniakan Syawal iaitu bulan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri atau bulan kemenangan bagi umat Islam.

Rahsia umat Islam menyambut hari raya adalah sebagai anugerah kemenangan bagi umat Islam yang telah melalui fasa melakukan jihad *al-nafs* (jihad jiwa).

Ini kerana sepanjang Ramadan, kita melaksanakan puasa, berjihad melawan hawa nafsu dan sabar dalam beribadah.

Dalam bulan Ramadan juga, kita belajar mendidik jiwa agar kembali kepada firah iaitu jiwa yang suci bersih daripada sifat dan penyakit kejiwaan.



MENUNAIKAN zakat adalah tanda kasih sayang dan saling membantu antara satu sama lain. - Gambar hiasan

Meraikan Syawal dengan meriah dan ceria pernah disuruh oleh Rasulullah SAW. Sabda Nabi yang diriwayatkan daripada Saad bin Aus al-Ansari yang bermaksud:

Apabila tiba Hari Raya Aidilfitri, berdirilah malaikat di pintu-pintu jalan lalu menyeru, pergilah wahai Muslimin menghadap Tuhan yang pemurah yang memberikan kebajikan dan kemudian memberikan pahala yang banyak, demi sesungguhnya kamu telah diperintahkan untuk melakukan qiamullail maka kamu membuatnya dan kamu diperintahkan untuk berpuasa pada siangnya maka berpuasa, kamu juga mentaati Tuhan kamu maka kamu terimalah balasan-Ku, maka apabila bersembahyang maka akan menyerulah orang yang menyeru: Ketahuilah bahawasanya Tuhan kamu telah mengunpulkan kamu dan pulanglah menuju tunggangan kamu dan itulah adalah hari menerima balasan dan dinamakan hari itu di langit sebagai Hari Al-Jaizah (Hari mendapat ganjaran).

Ibadah kita bukan setakat

terhenti pada bulan Ramadan, tetapi diteruskan ketika Syawal. Walaupun kita dituntut untuk meriah Hari Raya dengan meriah, tetapi perlulah dalam batasan dan lingkungan syarak yang dibenarkan.

Konsep meriah hari raya adalah untuk membesarkan Allah dengan ibadah jua seperti melakukan solat sunat Aidilfitri, bertahmid, bertakbir memuji kebesaran Allah SWT.

Ini adalah cara kita untuk meraikan hari kemenangan ini. Sewajarnya laungan takbir dan tahmid di televisyen dan radio berterusan, bukan setakat pada pagi raya dalam masa setengah jam itu sahaja.

Masjid-masjid dan di rumah suasana kemeriahan dihidupkan dengan laungan takbir dan tahmid sebagai tanda memuji kebesaran Allah dan melahirkan rasa syukur kerana berjaya melalui ujian pada bulan Ramadan.

Umat Islam dituntut untuk terus mengimarahkan masjid dengan solat sunat Aidilfitri yang melambangkan satu himpunan besar umat Islam yang bersatu padu. Pada Syawal ini juga kita saling kunjung mengunjung dan ziarah ahli keluarga bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan serta silaturahim sesama umat Islam.

Umat Islam juga saling bermuafakat sempena hari raya dan wajib menunaikan zakat serta harus bersedekah sebagai tanda kasih sayang dan saling membantu antara satu sama lain.

Ini adalah antara beberapa rahsia dan hikmah mengapa Hari Raya Aidilfitri perlu disambut dan Syawal perlu diraikan.